

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/4/2013

ISNIN 8 APRIL 2013

Utamakan parti, bukan calon

UM - 8/4/2013

UTUSAN: Perdana Menteri pada pilihan raya kali ini berjanji akan menampilkan elemen kejutan khususnya terhadap senarai calon itu sendiri dan ditambah manifesto berorientasikan 1Malaysia, sejauh mana elemen-elemen ini mampu memberi lonjakan berganda untuk meningkatkan sokongan kepada Barisan Nasional (BN)?

DR. MAHATHIR: Kita menerima tuntutan bahawa BN ini hanya memberi tempat kepada orang lama, tidak kepada muka-muka baru sehingga nak masukkan orang baru kepada parti pun susah. Tetapi Najib mungkin ingin memecah sangkaan ini bahawa kita terbuka kepada semua pihak iaitu baru dan lama. Saya fikir yang lama pun perlu ada, kalau buang langsung yang lama pun tak baik juga, kerana kita nak ada kesinambungan antara yang lama dengan yang baru.

Namun saya berpendapat bahawa pilihan raya kali ini lebih kepada parti bukan calon. Kita nak tentukan parti menang, BN kena menang. Pertandingan ini tertumpu kepada parti, kemenangan kepada parti, soal siapa jadi calon tidak sepeenting parti perlu menang dalam pilihan raya ini kerana hanya parti sahaja yang boleh tubuhkan kerajaan, orang perseorangan tidak boleh.

Selepas pelbagai usaha transformasi dilakukan kerajaan dalam masa empat tahun ini dan disokong pula dengan kebangkitan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat, sejauh mana Tun optimis BN akan memperoleh kemenangan majoriti dua pertiga?

DR. MAHATHIR: Setahun dahulu, bahkan enam bulan dahulu saya kurang yakin tetapi saya dapat sambutan terhadap lawatan Najib oleh seluruh rakyat termasuk masyarakat Cina jauh lebih baik berbanding Pilihan Raya Umum 2008. Sebab itu orang berkata ada peralihan sokongan ke arah BN dan dengan cara ini saya yakin BN akan menang lebih baik daripada 2008. Ada kemungkinan juga mendapat dua pertiga.

Antara masalah yang melanda UMNO dan BN pada 2008 adalah tindakan sabotaj daripada ahli sendiri. Bagaimana Tun melihat perkara itu adakah sudah selesai atau masih berlaku?

DR. MAHATHIR: Masa saya menjadi pemimpin UMNO ada berlaku keadaan pantas mencantas. Namun kemenangan kita adalah tinggi walaupun terdapat mereka yang tidak menyokong, kita masih berpeluang untuk menang. Namun ketika ini kelebihan undi kita adalah sekitar ratusan sahaja. Jadi kalau ada pihak yang mahu keluar dan mengheret 100 atau 200 penyokongnya, kita mungkin akan berhadapan masalah.

Perkara sabotaj pernah berlaku dahulu tetapi sekarang ia lebih berbahaya. Saya berpendapat ini disebabkan tentang perjuangan asas kita. Boleh dikatakan apabila seorang Melayu mendapat nikmat ia akan dikongsi bersama orang Melayu lain, jadi tidak ada mereka yang tercicir langsung. Contohnya mungkin anak orang ini dapat biasiswa masuk sekolah bekalan air dan elektrik dan sebagainya. Semua ini bukan hanya untuk orang tertentu sahaja tetapi untuk semua orang Melayu dan bangsa-bangsa lain. Inilah perjuangan UMNO yang sebenar untuk semua orang Melayu, bukan hanya nak menjadikan seseorang itu perdana menteri. Kepimpinan adalah sesuatu yang perlu tetapi perjuangan bukan untuk pemimpin tetapi untuk parti dan rakyat.

Kenapa masih terdapat pihak yang tidak percaya kegatan Anwar dan tetap mempertahankan beliau walaupun terdapat banyak pendaharan dilakukan?

DR. MAHATHIR: Sebab itu dalam Islam, kita tidak boleh taksjub atau menjadi puak assabiah. Pihak ini adalah orang yang taksjub dengan sesuatu sehingga tidak dapat menerima kenyataan yang sebenar. Orang ini kita tidak boleh buat apa-apa dan hanya boleh menunggu balasan Tuhan jika segala

MUKADIMAH

DALAM wawancara *Mingguan Malaysia* bersama Perdana Menteri, TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD semalam yang bertajuk 'Pembangkang terlalu tamak' antara perkara yang dibincangkan termasuklah tentang pembubaran Parlimen, perubahan sokongan rakyat, kecenderungan pengundi Cina, kawasan yang ditandingi oleh pemimpin pakatan pembangkang, kedudukan DAP, PKR dan Pas pada Pilihan Raya Umum Ke-13 ini. Berikut adalah sambungan wawancara beliau bersama wartawan, MARHAINI KAMARUDDIN, HAFIZAHRIEL HAMID, BORHAN ABU SAMAH, dan MOHD. ASRON MUSTAPHA di Yayasan Al-Bukhary, petang Jumaat lalu.



kebenaran sudah terdedah kelak. Kita perlu serahkan semua ini kepada Allah SWT kerana kita sendiri tidak boleh melakukan apa-apa melainkan berterusan membuat penerangan untuk pemahaman. Pada mulanya saya dapat ramai yang menolok tetapi setelah penerangan dilakukan serta bukti yang sah, saya lihat hari ini semakin ramai yang menerima. Saya yakin jika kita boleh tunjuk bukti, akhirnya mereka juga tidak dapat menutup mata dan menolok kebenaran dan akhirnya menerima kenyataan yang sebenar.

Mungkin di negara Barat pemimpin-sebegini ditolak oleh masyarakat kerana perlakuan yang buruk?

DR. MAHATHIR: Tidak juga. Jika kita lihat bagaimana bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair, walaupun mereka telah berbohong dalam menentang Iraq dan didekahkan kepada umum, namun dalam pilihan raya berikutnya mereka masih menang. Mereka ini adalah pembongkah besar dan saya ada bukti mengenai dokumentari BBC tentang bagaimana Bush dan Blair berbohong hanya kerana nak menyerang Iraq.

Jadi maknanya rakyat mereka sama seperti rakyat kita juga kerana ada yang buta dan menolok kebenaran. Orang yang celik tetapi tidak mahu melihat, itu adalah lebih buta daripada orang buta.

Tun pernah menyatakan bahawa kesalahan paling besar pernah dilakukan adalah membawa masuk Anwar. Pada pandangan Tun apa akan berlaku pada negara jika Tun masih mengekalkan Anwar malah mungkin menjadi Perdana Menteri?

DR. MAHATHIR: Kita kadang-kadang terputu dan saya tidak terfikir bahawa saya

Pilihan raya kali ini lebih kepada parti bukan calon. Kita nak tentukan parti menang. BN kena menang. Pertandingan ini tertumpu kepada parti, kemenangan kepada parti, soal siapa jadi calon tidak sepeenting parti perlu menang dalam pilihan raya ini kerana hanya parti sahaja yang boleh tubuhkan kerajaan, orang perseorangan tidak boleh.

kebiasaan daripada pihak-pihak Anwar. Pada mulanya saya fikir bila saya jelaskan sebab saya menolak Anwar saya sangka ramai yang akan bersetuju dengan saya seperti mana pemimpin-pemimpin UMNO sebelum itu yang bermasalah dan mereka menolok pemimpin-sebegini. Namun ada di kalangan ahli UMNO yang berfikir saya cuba menganiaya Anwar terutama apabila berlaku kes mata lebam. Itu bukan salah saya dan saya telah beritahu kepada Ketua Polis ketika itu jangan guna garu dan kekasaran.

Namun apabila beliau hantar pasukan untuk menangkap Anwar, pasukannya itu telah dilatih dengan cara sedemikian kerana ia adalah SOP yang telah ditetapkan. Jadi saya disalahkan dan kehilangan undi hampir 300,000 kerana kes mata lebam itu.

Tapi apa nak buat dan saya pula terpaksa menanggung keputusan untuk meletak jawatan sehingga 2002 baru saya umumkan. Pada awalnya niat saya untuk bersara pada 1998 tetapi kerana masalah kewangan dan krisis mata wang, Sukran Komanwel dan masalah Anwar, jadi saya terpaksa tunggu lagi. Sehingga saya berjaya memperbaiki masalah kewangan negara, pentadbiran kerajaan dan parti, barulah saya berfikir sudah sampai masa untuk berundur.

Satu ketika dahulu ramai yang marah dengan Tun malah ada yang mengambil keputusan mahu membunuh Tun. Tetapi kini semakin ramai yang sudah kembali ke pangkal jalan antaranya C.N Afghani dan Dr. Sidek Baba. Bagaimana Tun melihat perkara ini?

DR. MAHATHIR: Mereka marah dengan saya kerana mereka rapat dengan Anwar. Bila kita dekat dengan seseorang bak kata pepatah Melayu, 'tak kenal maka tak cinta'. Tetapi bila sudah kenal dan rapat baru kita nampak kelemahan orang lain. Setelah segala yang buruk diketahui mereka, baru mereka berasa yakin saya bukan bermiat mahu menganiaya Anwar. Saya cuma nak selamatkan orang Melayu dan negara daripada manusia semacam ini.

Bagaimana dengan telahan Tun mengenai negeri-negeri yang dikuasai pembangkang. Apakah boleh ditawan kembali?

DR. MAHATHIR: Saya melihat Kelantan kedudukannya agak 50-50 sama seperti Pulau Pinang. Kedah pula barangkali 55-45 sama seperti Selangor yang saya lihat di kedua-dua negeri ini penduduknya sudah sedar. Saya tidak mahu optimistik. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, saya lihat kita masih boleh menang tetapi mungkin kita tidak dapat kemenangan seperti pada 2008. Bagi Negeri Sembilan saya lihat kedudukannya masih selamat kalau mereka tidak berkelahi sesama mereka. Masalah timbul jika mereka berkelahi sesama mereka tapi saya rasa tidak akan timbul masalah sedemikian. Manakala di Perak pula pada satu ketika orang Melayu pun sokong DAP tetapi saya lihat keadaan sudah berubah sekarang.

Mungkin Tun ada peringatan yang mahu di sampaikan kepada masyarakat di luar sana dan juga kepada calon yang tidak terpilih?

DR. MAHATHIR: Kita jangan kira siapa yang menjadi calon tetapi kira kepada parti yang bertanding. Jika BN yang bertanding jangan teragak-agak menyokong calonnya. Jangan sokong kerana calon itu orang kesayangan saya atau orang tertentu. Ini pertandingan parti dan bukan individu.

Bagi calon yang tidak terpilih nasihat saya kalau terpilih kita mahu orang sokong kita dan begitu juga jika orang lain terpilih, mereka juga mahu orang menyokong mereka. Jadi kalau kita tidak suka dicantas maka kita jangan mencantas orang. Seperti mana kita tak suka orang lakukan pada kita, begitu juga kita jangan buat perkara yang orang lain tak suka.

Jika ketika itu saya masih nak jaga keaiban beliau atau kerana nak jaga imej saya dan membenarkan beliau berterusan, maka saya ingat saya bersalah kepada masyarakat dan Tuhan. Sebab itu saya terpaksa ambil tindakan dan saya memperingatkan kepada diri saya supaya sesuatu yang akan menyebabkan orang benci kepada saya.

kebal daripada penipuan. Banyak orang yang menipu saya dan saya ambil pada permukaan tentang kebaikan seseorang. Saya tidak menyelam hanya untuk mencari keburukan orang, umpamanya Tun Abdullah Ahmad Badawi, ramai yang mengangap beliau seorang yang bersih dan saya terima. Malah saya bagi tempat kepadanya walaupun beliau pernah melawan saya.

Anwar menggambarkan dirinya sebagai seorang yang warak, boleh menjadi imam, membaca khutbah dan sebagainya. Ini yang kita nampak dan perkara dalam bilik, saya tidak nampak. Malah orang lain pun tak nampak, maka mereka pun tidak boleh kata ini ada kelakuan sebegini.

Saya terima beliau kerana imej yang ditunjukkan Anwar cukup bersih dan ini baik untuk UMNO. Bahkan saya berharap Anwar akan mengganti saya kerana saya nampak beliau bijak, cakap cukup bagus tetapi apabila saya tidak dapat melihat tuduhan terhadapnya dan jika ketika itu saya masih nak jaga keaiban beliau atau kerana nak jaga imej saya dan membenarkan beliau berterusan, maka saya ingat saya bersalah kepada masyarakat dan Tuhan. Sebab itu saya terpaksa ambil tindakan dan saya memperingatkan kepada diri saya supaya sesuatu yang akan menyebabkan orang benci kepada saya.

Saya cukup berhati-hati tentang ini dan tidak mahu menjatuhkan hukuman bunuh terhadap orang itu dan ini. Malah untuk menangkap orang pun saya tidak begitu berminat. Namun bila saya dapat Anwar sudah tidak sesuai lagi maka ia adalah tanggungjawab saya bukan sahaja kepada diri saya malah negara dan masyarakat. Sebab itu saya ambil tindakan dan saya tahu tindakan itu akan menimbulkan